

KELUARAN ANGKATAN
NAHDHATUL ISLAM BERSATU (BINA)



الحمد لله

TAHUN 2,
NOMBOR 22,
SYAWAL 1407/
MEI-JUN 1987

AL-HUDA

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM



mengucapkan

**SELAMAT
HARIRAYA IDILFITRI**

قُلْ إِنَّ رَبَّكَ مُهَدِّيُّ النَّاسِ هُوَ الْمُهَدِّيُّ
البقرة: ١٢٠

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)

**TERHAD
UNTUK PARA AHLI SAHAJA**

Ibu Pejabat,
Jalan Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Telifon: 082-443993,
082-443994 ext. 11 atau

AL-HUDA

NO. 22, TAHUN DUA SYAWAL 1407/MEI-JUN 1987

Penasihat USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET • Pengarah TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM • Ketua Unit Penerbitan/Rekabentuk/Pengurus Iklan BUJANG JENAL • Ketua Pengarang USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD • Penolong Ketua Pengarang USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU BAKAR • Sidang Pengarang USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR, USTAZ SYED MUHAMAD ALWI AL-ATTAS, DR. WAN ALI TUANKU MADHI, USTAZAH ROHANI BINTI AWI, USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN, TUAN HAJI MOHD. HANIF ALI, USTAZ HJ. MOHD FAUZI MOHIDIN.

KANDUNGAN

Lidah Pengarang	4
Tauhid dan Syirik	6
Beberapa Tantangan Terhadap Ummat Islam	
Dimasa Kini	13
Tafsir Surah Al-Fatihah	17
Keagungan dan Kebesaran Allah	22
Ruang Fatwa	24
Bertugas Dalam Gema Takbir	27
Satu Kedengkian Kristian	31
Ke Mana Hilangnya Kemesraan Dikota	
Bila Hari Raya?	33
Anak Bulan: Rukyah atau Falak?.....	35
Rangkuman Do'a	
Do'a Melepas Pakaian	38
Mutiara Hikmat	
7 Sikap Yang Menakjubkan	39



PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Muslimin dan Muslimat sekalian;

Dimaklumkan dengan segala hormat-nya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalaukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membayai penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:
Pengarah,
Penerbitan Al-Huda,
ibu Pejabat BINA,
Jalan Tun Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.
Pengarah

Lidah Pengarang

Hari Raya ‘Iedul Fithri 1407H

Sesudah kita kaum muslimin menyelesaikan ‘Ibadat puasa Ramadhan, tibalah saatnya kita semua untuk bergembira ria dengan Hari Raya (‘Iedul Fithri):

تَقْبِلَ اللَّهُ مِنْتَا وَمِنْكُمْ :

Maksudnya:

“Semoga Allah s.w.t. menerima ‘amal ibadat kita semua.” Di riwayatkan oleh Bukhari dari Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرُجُهُمَا :

أَذِ الْفَطَرِ فَرَحْ بَفْطُرُهُ ، وَأَذِ الْقَيْرَبَهُ فَرَحْ بِصَوْمُهُ .

“Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan yang di nikmatinya: apabila berbuka, ia bergembira dengan berbukanya itu, dan di kala dia bertemu dengan Tuhan-nya, ia bergembira dengan puasanya.”

Hari Raya ‘IdulFithri juga di sebut “Hari Raya Pembinaan” atau “Hari Raya Kesukuran”, atau juga di sebutkan “Hari Raya Hadiah”.

Hari Raya Pembinaan

Selama bulan Puasa Ramadhan kita ummat Islam telah bertungkus lumus berjuang bagi menentang segala hawa nafsu yang senantiasa mencabar hidup dan kehidupan kita semua.

Bila di saat itu, kita telah mampu dengan segala kesedaran dan ketetapan hati untuk mengalahkan hawa nafsu tersebut, maka tibalah saatnya kini bagi kita untuk secara terus menerus membina dan meningkatkan perjuangan kita ke arah pembinaan dan peningkatan nilai-nilai ihsan dan taqwa kita kepada Allah s.w.t.

Hari Raya Ke Syukuran

Dengan selesainya ibadat puasa Ramadhan yang kita laksanakan tersebut, bukanlah bermakna selesai pula semangat ibadat kita. Sebab rasa syukur adalah bermakna bahawa kita akan lebih berkesan lagi bagi meningkatkan ibadat kita kepada Allah s.w.t. samada di bulan Ramadhan atau di bulan-bulan biasa lainnya.

Hari Raya Hadiah

Kita tidak nafikan bahawa segenap kaum muslimin akan bergembira ria dengan kedatangan hari raya ini, baikpun yang berpuasa ataupun yang tidak berpuasa dengan sebab uzur atau sebab lainnya. Tetapi tentu bagi yang berpuasa ada kegembiraan yang lebih istimewa di bandingkan dengan yang lainnya. Ini bermakna, merupakan hadiah kenikmatan yang merupakan dorongan semangat bagi lebih menjayakan lagi dalam melaksanakan ibadat puasa itu khasnya dan ibadat-ibadat lain 'amnya.

Akhirul kata:

Atas nama semua pengurusan dan sidang pengarang' AL-HUDA serta semua Ahli Majlis Tertinggi BINA mengucapkan:

"SELAMAT HARI RAYA 'IDUL FITHRI 1407H"

MOHON MAAF ZAHIR DAN BATIN

• "تَبَكَّرَ اللَّهُ مِنْ أَوْسَنْكُمْ"

Dan marilah kita hadapi masa ini dengan sepenuh semangat dan dedikasi terhadap ikrar kita bersama:

• "إِنَّ لَاتِي وَنَسْكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ"

"Sesungguhnya Salatku, Ibadatku, Hidup dan Matiku, kerana Allah seru sekalian Alam"

RALAT

Kami memohon maaf beberapa kesilapan pada keluaran AL-HUDA nombor 20,muka depan sepatutnya nombor 20 bukan nombor 18. Pada tajuk dibawah muka dengan ISU PEMAKAIAN PURDAH bukan ISU PEMAKAIAN PURDAN, Halaman muka dalam siri Tafsir Surah Al-Fatihrah penulisnya Haji Mohd. Mortadza Haji Daud.

TAUHID DAN SYIRIK

Sambungan dari Al Huda No. 21

TAUHID DAN SYIRIK

Oleh: Hasab

C) Mengenai dukun atau bomoh

1. Ditinjau dari segi usaha untuk memberi pertolongan kepada seorang pesakit, maka seorang dukun, bomoh, tabib, sinshe dan doktor adalah sama, termasuk diantara yang sama itu salah, bahwa masing-masing ada memberi apa-apa benda yang dimakan atau yang diminum kepada si pesakit sebagai obat, yang diramunya berdasarkan pengalaman atau kajianya.
2. Hanya dari segi cara dan amalan mereka mungkin terdapat perbezaan-perbezaan. Dan dibidang inilah kita dapat melihat mana-mana yang mengandung unsur-unsur syirik.
3. Sekiranya dalam cara amalan pengobatannya ia menggunakan ilmu batin yang berbentuk sihir atau jampi-jampi maupun do'a-do'a yang mengikut-sertakan kekuatan ghaib yang dipandangnya keramat,



Sihir adalah satu dosa besar yang seajar dengan dosa syirik.

atau mempercayai dan menggunakan kesaktian sesebuah benda, seperti keris, cincin dan sebagainya, atau membuat dirinya tidak siuman (in trance atau ^{غشة}), sehingga ia mendakwa sebagai kemasukkan roh suci daripada seorang keramat, seorang syeikh atau kiyai, maka pekerjaan tersebut sudah termasuk kedalam kategori syirik.

KETERANGAN

a) Sihir

Mengamalkan ilmu sihir adalah satu dosa besar yang sejajar dengan dosa syirik.

Hadis Rasulullah s.a.w.!

عن أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ
 أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا جَتَبُوكُمُ الْسَّبِيعُ
 الْمُوْبَقَاتِ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ،
 وَمَا هُنَّ ؟ قَالَ : الشَّرْكُ بِاللَّهِ ،
 وَالسِّحْرُ ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي
 حَرَمَ اللَّهُ مِنْهَا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا ،
 وَأَكْلُ مَا لِلْيَتَيمِ وَالْمُتَوْلِي بِوْمَ الزَّحْفِ
 وَقَذْفُ الْمُعْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ
 الْمُؤْمِنَاتِ .

Yang bermaksud: "Dari pada Abi Hurairah r.a., bahwa Rasulullah telah bersabda": Jauhilah olehm tujuh macam dosa besar". Sahabat-sahabat bertanya: "Ya Rasulullah, apakah macam dosa-dosa itu?" Jawab Rasulullah :

- (i) Syirik kepada Allah,
- (ii) Sihir,
- (iii) Membunuh orang tanpa hak yang dibenarkan oleh hukum

Islam,
 (iv) Makan riba,
 (v) Memakan harta anak yatim,
 (vi) Lari dari medan perang,
 (vii) Menuduh perempuan-perempuan yang beriman lagi suci, mengerjakan zina.

b) Ilmu Ghaib

Ilmu ghaib, adalah ilmu yang hanya kepunyaan Allah. (Lihat kitab Lisanil Arab daripada Jamaluddin Muhammad Juzu' 2 m.s. 142)

Firman Allah dalam Al-Quraulkarim, surah 72 (Al-Jinh). Ayat 26 dan 27:

عَالَمُ الْفَيْبُ فَلَا يَظْهَرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ
 أَحَدٌ ، إِلَّا سَنْ ارْتَضَى مِنْ رَسُولِهِ
 (الجِنْ : ٢٦ - ٢٧)

Yang bermaksud: "Dialah Allah Yang Mengetahui perkara yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada sesiapapun tentang yang ghaib itu, kecuali kepada Rasul yang direhái-NYA"

Sedang Nabi Muhammad sebagai hamba dan Rasulullah yang paling dekat kepada Allah, lagi mengakui, bahwa beliau tidak memiliki ilmu ghaib.

Firman Allah dalam surah 7 (Al-Alaraff), ayat 188:

قُلْ لَاٰمُكْ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا
 ضُرًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ ، وَلَوْكُنْتُ أَعْلَمُ

**الْغَيْبَ لَا سَتَكْرِهُ مِنْ
الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ .**
• (الاعراف : ١٨٨)

Yang bermaksud: Katakanlah (hai Muhammad): "Aku tidak berkuasa menarik manfaat bagi diriku, dan tidak pula menolak yang memudharatkan, kecuali yang dikehendaki Allah. Dan sekiranya aku mengetahui yang ghaib, tentulah aku akan membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak akan ditimpah oleh kemudharatan."

Konon pula kita yang masih jauh dibawah Nabi Muhammad dari segi ibadah dan ketaqwaan kepada Allah, mau pula menda'wakan diri mengetahui perkara-perkara yang ghaib? Kalau pun ya, maka hal itu tidak lain dari bisikan syaitan yang terukut.

Roh

Mengenai roh pula sudah terang dan jelas dikatakan didalam Al-Qurankarim Surah 17 (Al-Isra'), ayat 85:

**قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي
• (الاسراء : ٨٥)**

Yang bermaksud: "Katakanlah (hai Muhammad), bahwa roh itu adalah semata-mata urusan TuhanKu."

Jadi tak boleh manusia, maupun jin atau malaikat mencampuri urusan roh itu. Jika seseorang sudah mati, maka rohnya kembali kepada

Yang Empunya, iaitu Allah 'Azza wa Jalla. Dan setiap kali berlaku kematian atas manusia, yang sampai beritanya ketelinga kita, kita pun disunnatkan membaca:

**إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ .
• (البقرة : ١٥٦)**

Yang bermaksud: "Sesungguhnya kami kepunyaan Allah, dan sesungguhnya kepada-NYA-lah kami kembali." (Al-Baqarah, ayat 156)

Dapatkah roh itu kembali kealam dunia ini?

Daripada ayat 99 dan 100 surah Al-Mu'minun (23), ternyata bahawa roh-roh (arwah) simati itu tidak dapat kembali semula kealam dunia:

**حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمْ
الْمَوْتَ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونَ ،
لَعَلَّنِي أَعْمَلُ صَالِحًا فَيُنَزَّئَنِي ،
كَلَّا ، إِنَّهَا كَلْمَةُ هُوَ
قَاتِلُهَا وَمَنْ وَرَأَهُمْ بَرَحَ
الْقَيْوَمِ يَبْعَثُونَ .**

• (١٠٠ - ٩٩)

Yang bermaksud: "Hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, ia berkata: "Ya, TuhanKu, kembalikanlah aku (kedunia), agar aku

(مسلم، احمد الدارمي)

berbuat amal saleh terhadap yang telah aku tinggalkan. "Sekali-kali tidak! Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya sahaja. Dan dihadapan mereka ada dinding (barzakh) sampai hari mereka dibangkitkan."

Jadi roh-roh itu berada disuatu alam, diluar alam dunia, yang dipanggil dengan alam berzakh atau alam kubur. Dimana tempatnya itu? Wallahu A'alam (Hanya Allah sahajalah yang Maha Tahu). Hal ini mengenai seluruh roh, termasuk roh Nabi kita Muhammad s.a.w. sendiri, sebagaimana ternyata, daripada ayat 15 dan 16 surah Al-Mu'minun:

وَمَا أَنْتُمْ بِعَذَابِنَا لَكُلَّ مِنْتَوْنٍ
وَمَا أَنْتُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبَعْثُونَ
(المومنون: ٥ - ٦)

Yang bermaksud: "Kemudian sesudah itu (ya'ni sesudah kamu dihidupkan diatas dunia), sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan mati. Kemudian sesungguhnya kamu sekalian akan dibangkitkan pada hari kiamat."

Sedang Nabi Muhammad sendiri menyatakan:

أَنَا أَوَّلُ مَنْ يُنْشَقُ عَنِ
الْقَبْرِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَنَا أَوَّلُ شَافِعٍ
وَأَوَّلُ مُشْفَعٍ

"Akulah orang yang mula-mula akan terpecah kuburnya (keluar dari alam kubur) pada hari kiamat. Akulah orang yang pertama yang akan memberi syafa'at dan orang yang mula-mula yang diterima syafa'atnya (pertolongannya)."

Jadi terang dan jelaslah bagi kita semua, bahwa selepas mati, tidak ada sebarang roh pun yang boleh datang kembali keatas dunia ini. Maka tertolaklah anggapan setengah-setengah orang yang mengatakan, bahwa arwah seorang yang telah mati itu dapat datang ataupun dapat dipanggil oleh seorang dukun hadir ke suatu tempat atau majlis. Sebagaimana juga ditolak anggapan serta hujah sesetengah golongan yang mengatakan bahwa arwah nabi Muhammad SAW hadir ditengah-tengah majlis barzanji, sehingga mereka menganggap sunnat bukunya berdiri ketika mengucapkan salawat kepada Nabi diwaktu itu, kononnya demi untuk menghormati arwah beliau. (Na'udzu billaah).

Maka amalan seorang dukun atau bomoh, seperti yang telah diterangkan di atas, terang dan jelas sebagai amalan-amalan yang ditegah atau dilarang oleh Syari'at Islam dan ianya termasuk kedalam senarai dosa besar yang sejajar dengan dosa syirik. Demikian pula amalan daripada orang-orang yang datang kepada dukun atau bomoh

tersebut dan membenarkannya, bahkan meminta pertolongan pula kepadanya. (Lihat kitab "Al-Ajwibah An-Nafi'ah anil Msa-ilil waqi'ah daripada Abdul Rahman Abdul Wahab Al-Faris, m.s. 71) Dukun atau bomoh seperti itu dipanggil juga dengan istilah "kahn" atau "arrat", sebagaimana tersebut dalam sabda Rasulullah s.a.w:

مَنْ أَتَسْ كَاهِنًا أَوْ رَأْفًا فَلَدَّهُ
فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ
صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ .
(مسند احمد والحاكم)
حدیث صحیح

• (الجامع الصغير)

Yang bermaksud: "Barangsiapa yang mendatangi seorang kahn atau arraf, lalu ia membenarkannya (mengakui kemampuannya), maka sesungguhnya ia telah meningkari (kufur) akan apa-apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w." (Riwayat Ahmad dan Hakim, Shahih).

Sebuah hadis lagi riwayat Imam Muslim, daripada sebahagian isteri-isteri Nabi Muhammad; Rasulullah bersabda:

رَوَى مُسْلِمٌ فِي صَحِيحِهِ عَنْ بَعْضِ

أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ قَالَ :
مَنْ أَتَقْ عَرَافًا ، فَسَأَلَهُ
عَنْ شَيْءٍ ، لَمْ تَقْبِلْ لَهُ صَلَةٌ
أَرْبَعِينَ لَيْلَةً .

Yang bermaksud: "Sesiapa yang mendatangi seorang A'rraf, lalu ia meminta sesuatu (pertolongan atau bantuan) daripadanya, tidak diterima sembahyangnya selama empat puluh hari."

Termasuk juga kedalam kategori bomoh, kahn atau 'arrat tersebut ialah yang mendakwakan dirinya pandai meramalkan nasib seseorang, umpamanya dengan melihat kepada garis-garis yang terdapat pada telapak tangan; atau dengan membuat takwil-takwil daripada bintang-bintang, seperti siapa yang lahir antara akhir bulan April sampai akhir bulan May, yang disebut berbintang TAURUS, dikatakan banyak mengalami kekecewaan dalam hidupnya, dan sebagainya dan sebagainya.

Maka sesiapa yang mempercayai ramalan-ramalan seperti itu, maka ia telah menujurus kepada amalan syirik.

Kesimpulan

1. Maka untuk menambahkan lagi serta memantapkan pengetahuan kita tentang hal syirik ini, baiklah kita semak beberapa kesimpulan yang telah dirumuskan oleh

- beberapa ulama kenamaan; antara lain: Muhammad bin Abdul Wahab, dalam kitabnya "kitabuttauhid", yang menerangkan empat macam syirik:
- Syirik ilmu pengetahuan
Ya'ni mengakui keunggulan ilmu pengetahuan daripada kemampuan dan kekuasaan Allah.
 - Syirik Kekuatan yang bekerjasama dengan Allah.
Dipanggil dengan istilah "asyirkuttasharruff", iaitu ada kekuasaan dan kekuatan lain yang bekerjasama dengan Allah dalam menciptakan sesuatu.
 - Syirik Ibadah (Syirkul Ibadah)
laitu, melakukan ibadah atau kebaktian ritual selain kepada Allah s.w.t., umpamanya menyembah patung, kubur, tempat keramat dan lain-lain.
 - Syirik Adat Istiadat. (Tradisi)
ialah kepercayaan terhadap keampuhan benda-benda peninggalan nenek moyang, yang diyakini menentukan dan mempengaruhi jalan kehidupan.
- c) Syirik Taqarrub
laitu Syirik berbakti atau beribadah selain kepada Allah s.w.t., seperti kepercayaan orang-orang jahiliyah, ya'ni, bahwa benda-benda yang disembahnya itu adalah sebagai alat atau perantara bagi mendekatkan dirinya kepada Tuhan.
- d) Syirik Fanatisme
Yaitu, beribadah kepada Allah, didasarkan kepada taqlid (mengikuti secara membuta-tuli) amalan-amalan orang-orang yang terdahulu sahaja.
- e) Syirik Tradisional
laitu mempercayai bahwa kebiasaan-kebiasaan zaman dahulu kala mempengaruhi jalan kehidupan manusia.
- f) Syirik beramal selain kerana Allah
laitu, melakukan amal kebajikan bukan dengan niat (motif) kerana Allah atau lillah.

2. Dari pada seluruhuraian ini dapatlah disimpulkan, bahawa dalam kehidupan sehari-hari, secara tidak sedar, seringkali orang berfikir dan melakukan tindakan-tindakan yang sudah masuk dalam kawasan syirik, sebab batas-batasnya hanyalah dapat diketahui dalam pengertian, pengenalan dan penghayatan tentang nilai-nilai IMAN dan TAUHID. Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan supaya waspada terhadap susunan syirik itu, sebab ia mudah menyusup dan

Jamaluddin Al-Qasimy dalam Tafsirnya menerangkan enam macam Syirik:

- Syirik Istiqqlal
laitu mengakui dua Tuhan, masing-masing merdeka dan berdiri sendiri.
- Syirik Tab-idh
laitu mempunyai kepercayaan beberapa Tuhan yang tertentu, seperti kepercayaan orang-orang Kristen (trinity).

menyelinap tanpa dirasakan atau tanpa diketahui dalam jiwa seseorang, seperti diterangkan dalam satu hadis:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا هَذَا الشَّرُكُ .
فَإِنَّهَا خُلُقٌ مِّنْ دَيْنِ إِبْرَاهِيمَ .
(رواها حمد والطبراني)

Yang bermaksud:
"Wahai manusia! Takutlah

(waspadalah) kamu terhadap syirik ini, kerana dia lebih halus (tersembunyi) daripada semut yang merayap (riwayat Ahmad dan Thabranî)

Maka kita semua memikul kewajipan menjaga diri terutama menjaga dan memelihara anak-anak dan turunan kita, generasi yang akan datang, supaya menghindarkan diri dari pinggir jurang syirik yang membahayakan Aqidah Islamiah.

Wallahu A'alam.

Wabillahitaufiq Wal Hidayah.

As-Solah

dalam niat kububuh iktikad
mencari cinta dan keyakinan
tika iftitah kuperteguhkan janji
pengakuan berani mengerikan
merangkum seluruh
jasad dan roh liar

al-Fatihah satu penafsiran
ikrar dan permohonan
menyedarkan diri
makhluk dan khaliknya

Allah Maha Besar

Maha Pengasih, Maha Penyayang
segala puji untuk-Mu, Tuhan

tiada Tuhan melainkan Allah
dan nabi Muhammad pesuruh-Mu, Allah
dilafaz dan tasdig penuh keyakinan

PUISI

lalu aku sujud memuja
memohon dalam ifitirasy
hati kerdil melafazkan doa
jiwa resah dipujuk tenang
mencari pegangan
keredaan Yang Esa:

tunjukkan kami jalan yang benar
restukan kami rahmat yang syahdu.

Kuching
1979

Sambungan dari Al-Huda No. 22

BEBERAPA TANTANGAN TERHADAP UMMAT ISLAM DIMASA KINI

(Oleh: Allahyarham Prof. Dr. Hamka)

10. PENGARUH AL-GHAZWUL FIKRI DALAM BIDANG KEBUDAYAAN

Bertahun-tahun lamanya sejak Indonesia Merdeka, ahli-ahli kebudayaan Indonesia menyusun fikiran, mengadakan diskusi, seminar, atau symposium, mengkaji dan mencari bentuk Kebudayaan Indonesia dalam rangka kebudayaan Dunia. Kerana PBB dengan UNESCO-nya setelah habis perang dunia II mengambil kesimpulan bahawa salah satu jalan untuk memelihara perdamaian ialah dengan kenal mengenal kebudayaan masing-masing, untuk menimbulkan saling pengertian.

Badan-badan kebudayaan telah terbentuk dimana-mana dalam berbagai corak, menurut aliran faham, menurut ragam daerah. Dalam Kongres Kebudayaan di Solo (1954) telah dapat dirumuskan bahawa yang tergabung dalam kebudayaan itu ialah: Ilmu, Filsafat dan Seni.

Kebudayaan ialah HASIL USAHA manusia menyesuaikan peri hidupnya dengan "alam yang mengelilinginya".

Hasil usaha itu tersalur dan terbentuk dalam ilmu, filsafat dan seni.

Untuk perkembangan Ilmu Pengetahuan berdirilah M.I.P.I. (Majlis Ilmu Pengetahuan Indonesia). Dalam bidang Filsafat belum ada satu Majlis Failasoof Indonesia.

Adapun dalam bidang seni, sebelum Gestapo/PKI 1965 Kaum Komunis dengan "LEKRA" (Lembaga Kesenian Rakyat) memasukkan pengaruh sebesar-besarnya dalam lapangan Budaya dan Seni Indonesia. Disini terjadi Al-Ghazwul Fikri yang hebat sekali. Golongan bebas yang mencuba membendung "LEKRA", iaitu golongan "MANIKEBU" (Manifesto Kebudayaan) yang dipelopori oleh H.B. Jassin, Wiratmo Soekito (dahulu Katholik, sekarang mudah memeluk Islam dengan bimbingan H.A. Malik Ahmad), dan lain-

lain, digempur habis-habisan oleh Kaum Komunis, sehingga Sukarno bertindak membubarkan "MANIKEBU" tersebut.

Salah seorang Pengarang Islam yang namanya tenar, dibangkit-bangkit karangannya itu, dituduh sebagai plagiat dari karangan seorang pujangga Perancis. Maksudnya ialah hendak menghancurkan nama pengarang Islam itu, sebab karangan-karangannya sangat popular dan tersebar luas di tengah Masyarakat yang berbahasa Indonesia dan Tanah Melayu. Akhirnya setelah maksud itu gagal, pengarang itu dibenamkan masuk penjara.

Dizaman PKI - Sukarno jtu,

kebudayaan dalam praktiknya dipergunakan untuk kepentingan politik dengan semboyan bahawa politik adalah Panglima. Dengan nama seni dan budaya dikerahkan gadis-gadis cantik dari seluruh daerah Indonesia, dengan nama "Bhinneka Tunggal Ika" buat memuaskan nafsu si penguasa. Sisa budaya dan seni penjajahan Komunis itu masih terdapat dizaman Orde Baru ini, yang tertonjol dengan "Cerpen karangan Ki Pandji Kusmin yang berjudul "Langit Makin Mendung", dan tertonjol pula dalam karangan Bur Rasuanto "Berikan kepada kami peta syurga yang baru" dalam surat khabar Indonesia Raya bulan November,

Corak masvarakat Indonesia sudah mengamalkan bahasa Ibuda ke logak Inggeris dan penyanyinya pula sudah tidak pandai lagi mempersesembahkan lagu bahasanya sendiri.



1969 yang lalu.

Pada saat sekarang ini terasa sepi dan lesunya gerakan budaya. Hanya sekali pada pertengahan tahun 1969 ada Kongres Masbi - H.S.B.I. yang bernafaskan Islam. Selebihnya ialah melancarkan gerak seni budaya kedalam satu suasana yang tidak tentu ujung pangkalnya. Radio, television dipenuhi oleh lagu-lagu tiruan atau ciptaan dari Barat, dengan bahasa Indonesia yang di Inggeris-Inggeriskan, untuk menunjukkan bahwa si penyanyi tidak begitu fasih lagi lidahnya dalam bahasanya sendiri, sejak dia mendalami lagu-lagu Barat.

Malahan nampaknya mereka merasa malu kalau dia bernyanyi dalam bahasa Indonesia yang fasih. Sebab kalau masih fasih, orang akan menyangka bahwa dia tidak mempelajari bahasa Inggeris.

Dalam cara berlaku yang demikian tergambar keseluruhan jiwa bangsa Indonesia modern zaman sekarang. Mulai sekarang malu memakai bahasanya, nyanyi aslinya, budaya dan keperibadiannya, agama dan kesopanannya, sebab Al-Ghwzul Fikri telah mulai tertanam dalam jiwa mereka.

11. SIKAP KITA!

Pada uraian diatas telah saya perlihatkan sepintas lalu situasi keadaan yang sekarang. Dan didalam Sidang Pimpinan Pusat Muhammadiyah di Jogjakarta pada bulan Jun 1969 telah diadakan diskusi tentang hal kemaksiatan yang merajalela sekarang ini dalam tanah air kita, yang mengancam sendi-sendi moral dan agama, sehingga Pimpinan Pusat mengambil keputusan menyampaikan hal ini kepada pemerintah dan menginstruksikan kepada seluruh pimpinan WILAYAH

dan DAERAH, agar gagasan penentangan terhadap maksiat ini menjadi public opinion. Dan korban pun telah terjadi dimana-mana, walaupun belum ada korban jiwa. Pemuda-pemuda Muhammadiyah yang militant telah mempelopori tangisan terhadap maksiat ini dimana-mana. Pemuda-pemuda Muhammadiyah telah meringkuk dalam tahanan di Makassar, pengurus cabang Muhammadiyah Tulung Agung, beberapa pemuda Muhammadiyah pada peristiwa pelemparan granat dimalam gembira "semalam suntuk" di Surabaya.

Dalam Majlis Tanwir ini hendak kita perbincangkan, apakah sikap Pimpinan Pusat ini akan diterima oleh Pimpinan Muhammadiyah seluruh Indonesia? Atau akan kita hentikan hingga ini, supaya kita dapat "menyesuaikan diri" dengan keadaan. Supaya kita "alon-alon asal kelakon" saja. Apakah kita akan menjadi satu gerakan agama yang "amar ma'ruf, nahi munkar", atau hanya semata-mata gerakan sosial yang tenggang kesana tenggang kesini?"

Pada hemat kita, Muhammadiyah, turut menentukan nasib Islam dikemudian hari dalam negeri ini. Meskipun kita tidak bergelimang langsung dalam lapangan politik. Segala usaha yang dahulu telah kita mulai, zaman sekarang telah mengambil hasil yang sepadan dengan usaha kita pada masa itu. Buat zaman depan kita melihat hebatnya "Al-Ghwzul Fikri" ini sehingga kadang-kadang Peribadi kita sendiri, rumahtangga kita, jalan berfikir kita, mau tidak mau, telah kena infiltrasi dari Al-Ghwzul Fikri itu.

Dalam Majlis Tanwir ini janganlah kita hanya semata-mata membicarakan


KOSGORO

soal routine, administrasi organisasi, padahal tidak kita gali dan kaji dimana sebenarnya letak Muhammadijah sekarang ini dalam perjuangan menegakkan Islam dalam negeri ini. Apa yang akan kita perjuangkan, kalau dasar itu tidak kita ketahui.

Sudah patut kita melihat jauh kemuka dalam rangka perjuangan Islam yang besar. Dan sudah lama patut kita tinggalkan menghabiskan tenaga dalam hal yang tetek-bengek. Sebagai gerakan TAJID, bukanlah tajid kita memperbaui Islam. Dalam hal duniawi, kita pergunakan segala alat-alat modern untuk menegakkan Sunnah Rasul.

Moga-moga Tanwir sekarang merumuskan khittah dari perjuangan kita selanjutnya.

AMIN.



(Sambungan dari Al Huda No. 21)

SIRI 3

Oleh: Ustaz Hj Mohammad Mortadza Hj Daud

Tafsir Surah Al-Fatihah

أيَاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينَ (٥)

5. EE-YA-KA-NA'-BUDU-WA-EE-YA-KA-NAS-TAA-EEN

(Hanya Engkau sajalah yang kami sembah, dan Engkau sajalah tempat kami memohon pertolongan).

Ada dua perkara penting dinyata oleh ayat ini. Kedua-duanya ialah ikatan janji. Ikatan janji suci mesti ditepati oleh manusia kepada Allah, Pencipta alam semesta.

(1) Perjanjian menyata bahawa Allah sajalah yang disembah. Inilah yang dinamakan beribadat. Inni menunjuk satu dasar yang tegas bahawa ibadat yang betul hanya ibadat kepada Allah dan kerana Allah semata-mata.

(2) Perjanjian bahawa Allah sajalah tempat minta pertolongan.

Ayat ini menjelas bahawa makhluk tetap lemah. Ia tidak boleh tidak berkehendak kepada pertolongan. Pertolongan hakiki hanya daripada Allah.

(a) Apakah yang dimaksud dengan SEMBAH?

Sembah artinya IBADAT. Ibadat berarti patuh dan setia. Sebagai seorang hamba Allah dia wajib patuh kepada Allah, Penciptanya. Allah itulah yang wajib disembah. Sama ada dia faham atau tidak akan maksud-maksud ibadat yang dilakukannya terhadap Allah namun dia tetap wajib membuat dengan patuh dan setia. Itulah ibadat.

Hikmat ibadat amat nyata. Ia memberi didikan kepada seseorang dalam segi kebendaan dan kerohanian. Itulah falsafah ibadat, menyembah Allah, patuh, menurut dan mengamal apa saja yang diperintah oleh Nya.

Kita tidak dapat memastikan bahawa ibadat yang kita buat itu dapat kita ketahui 100% akan hikmat dan tujuannya. Mithalnya, ada orang berkata tujuan ibadat PUASA ialah, supaya orang kaya dapat merasa sendiri penderitaan lapar yang dialami oleh orang miskin, atau untuk menginsaf orang kedekut, supaya dia tidak lagi teragak-agak menghulur pertulungan kepada yang miskin. Kalau-lah ini dikatakan alasan, atau tujuan yang tepat mengapa puasa diwajibkan, maka alasan itu sebenarnya kurang tepat. Mengapa? Kalau begitulah hikmat-hikmat tujuan ibadat Puasa sebenarnya mengapa pula orang miskin yang biasa lapar itu diwajibkan juga berpuasa sama? Begitu juga mengapa pula orang yang memang budiman dan dermawan juga diwajib berpuasa sama? Banyak lagi mithal-mithal dalam ibadat yang lain-lain. Seperti bilangan rakaat sembahyang lima waktu. Mengapa Ugamma menentukan ada yang dikerja dua rakaat, ada yang tiga dan ada pula yang empat? Walau pun kita tidak tahu 100% hakikat tujuan ibadat-ibadat yang tersebut itu, namun sebagai ibadat kita wajib taat kepada perintah Allah, diamal dan terus menerus dikerjakan, patuh, setia kepada Nya. Dengan kata lain, beribadat kepada Allah ialah memperhambakan diri kepada Nya dengan penuh rasa ikhlas dan tawaduk, sebagai menunjuk rasa taat setia hamba kepada Peciptanya. Hamba Allah wajib berjanji kepada Nya, bahawa dia tidak menyembah, selain daripada Nya. Dia sahajalah Tuhan yang wajib disembah untuk selama-lamanya.

- (b) Apa pertulungan yang dipinta kepada Allah?

Kita juga berjanji kepada Allah. Dialah tempat kita meminta pertulungan.

Kalau kita kembali memahami maksud ayat ke-2 dalam surah Al-maedah yang bermaksud:

“..... Dan hendaklah kamu bertulung-tulongan untuk membuat kebaikan diantara sesama kamu” (2:5)

Maka saolah-olah ada pertentangan maksudnya dengan maksud ayat ke-5 Surah Al-Fatiyah ini; kerana surat Al-Fatiyah menyata bahaya hanya kepada Allah kita minta pertulungan.

Sebenarnya tidak ada pertentangan sedikit pun diantara maksud dua ayat itu tadi. Mari kita selideki bersama persamaan maksud itu.

Manusia ialah makhluk Allah yang mulia. Dia dianugrah dengan satu kelebihan yang istimewa. Pemberian istimewa itu ialah ‘AKAL’. Dengan akal manusia dapat berfikir dan mencapai ilmu pengetahuan. Disamping akal untuk berfikir, manusia juga diberi pancaindera dan tenaga-tenaga kekuatan bagi mengatasi satu-satu halangan dan rintangan. Selain dari itu Kitab dan Rasul-rasul juga diturunkan Allah untuk memimpin manusia, khususnya untuk mendengar dan mengimani perkara-perkara yang berhubung dengan ‘alam ghaib’.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan anugerah Allah kepada manusia tadi, maka adalah menjadi tanggongjawab manusia sendiri menggunakan segala tenaga, dayausaha dan ikhtiarinya; samada secara perseorangan atau pun berkerja sama, bantu membantu diantara sesama mereka; membuat titah

perentah Allah dan meninggal tegah-larangan Nya. Disamping itu diserta sama dengan doa, memohon pertolongan dan bantuan, taufiq dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wataala.

Inilah yang dikatakan memohon pertolongan hakiki daripada Allah, disamping berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh secara yang direhái Allah. Setelah usaha/ikhtiar yang cukup dikembar pula dengan permohonan kepada Allah, namun belum juga nampak hasil kejayaannya, maka tidak ada jalan lain yang mesti kita buat selain daripada berpandu dengan firman Allah yang bermaksud:

"Apabila engkau telah berazam (habis usaha dan ikhtiar) bertawakkallah kepada Allah.

(Surah Al-Imran; ayat: 159)

٦) أهداوا الصراط المستقيم

٦. EEH-DI-NAS-SIRA-TAL-MUS-TAQIM

(Tunjukilah kami jalan yang lurus)

Ayat ini menerang perkara-perkara berhubung dengan kemasyarakatan. Hamba memohon kepada Allah semoga dia diberi pertunjuk kejalan kemasyarakatan yang berada dalam kemakmuran, keadilan dan kebahagiaan. Permohonan ini mestilah disertakan dengan pertunjuk Allah. Dengan itu dapatlah kita sentiasa berada di jalan yang di redhai Nya.

(ii) Apakah itu PERTUNJUK atau HIDAYAH?

Pertunjuk atau hidayah berarti kita memohon paduan secara berlemah-lembut menuju kesatu matalamat yang dihajati.

Allah memberi empat macam hidayah (pertunjuk) kepada hambanya, untuk membolehkan mereka mengecap kebahagiaan:

(1) Pertunjuk tabiat semula jadi yang dikatakan hidayah kenaluriyan/Ilhamiyah

Pertunjuk Hidayah ini adalah pada anak-anak kecil. Menjengok saja dia kealam dunia ini dia berhajat kepada makanan dan lain-lain. Dia menangis kerana desakan naluri minta disusui ibu. Apabila berhasil saja dia minum air susu ibunya, dia senyap. Ini membuktii dengan hidayah Allah, dia yang dihajati oleh hambanya sudah berhasil.

(2) Pertunjuk timbul dari pancaindera dan perasaan

Pertunjuk ini sebenarnya lanjutan dari pertunjuk semulajadi yang mula-mula tadi. Ia berlaku dalam alam kehidupan mahlik bernyawa, baik dialam kemanusiaan maupun dialam kebinatangan. Pertunjuk ini cepat berkembang dikalangan binatang dari kalangan manusia. Dikalangan perasaan manusia ia berkembang perlahan-lahan, tapi dikalangan perasaan binatang ia berkembang lebih cepat.

Mithalnya, perbedaan diantara kanak-kanak manusia dan anak-anak

binatang. Kanak-kanak manusia mengambil masa yang lama baru nampak benda yang jauh, tapi anak binatang tidak begitu halnya. Anak binatang cepat boleh berjalan, melihat, mendengar dan lain-lain sedangkan kanak-kanak manusia hendak berjalan saja akan mengambil masa berbulan-bulan. Dengan pancaindera dan perasaan yang ada itulah mereka berhajat kepada pertunjuk/hidayah Allah untuk mencapai benda yang mereka hajati.

(3) Pertunjuk/Hidayah Akal

Hidayah Akal hanya dianugrah Allah kepada manusia. Lihat sajalah kepada kehidupan binatang yang hanya dipandu oleh naturi dan perasaan saja maka mereka tak dapat membeza yang mana buruk yang mana baik - yang kuat itulah berkaca dengan tidak ada pengadilan dan hukuman. Sebagai makhluk yang mesti hidup bermasyarakat, maka kalau hanya dengan pertunjuk naturi dan perasaan pancaindera saja, manusia tak mungkin menekmati hidup yang terjamin baik. Jadi, demi untuk mencapai hidup yang aman dan bermasyarakat, manusia sangat memerlukan Akal. Dengan akal baharulah dia dapat menimbang baik buruk perkara yang dibuat oleh perasaan atau pancaindernanya itu, baharulah ada pengadilan dan hukuman.

(4) Pertunjuk/Hidayah Ugama

Apa yang ditunjuk akal tidak mesti 100% adil dan betul. Banyak manusia kuat dan baik pertimbangan akalnya, kadang-kadang telah dapat dikalah oleh perasaan hawa nafsunya yang durjana. Banyak kali kita jumpa nafsu seseorang itu menunggangi akalnya. Akal yang asalnya suka berbuat lurus sudah mahu bengkok membilut, didesak oleh hawa nafsu yang dipengaruhi oleh pancaindera yang inginkan kesenangan, kelazatan dan kemegahan.

(5) Disamping 4 macam ma'na Pertunjuk/Hidayah yang telah dinyatakan tadi ada lagi sabuah hidayah yang khusus dimiliki oleh Allah sendiri. Hanya Dia yang memberi hidayah itu. Tidak siapa yang sanggup memberi hidayah itu walau Rasulullah sekalipun.

"Sesungguhnya Engkau, Wahai Rasul!, tidak dapat memberi hidayah kepada siapa yang engkau sukai; tetapi Allah memberi hidayah kepada siapa yang dikehendaki Nya:

(Al-Qasas; ayat: 56)

Firman Allah lagi Maksudnya:

"Bukan kewajipan Engkau memberi hidayah kepada mereka, akan tetapi Allah memberi hidayah kepada siapa yang dikehendaki."

(Al-Baqarah; ayat: 29)

Perlu kita ketahui bahawa manusia juga diperentah Allah supaya memimpin dan memberi tunjukkan kepada sesama manusia. Pimpinan dan pertunjuk ini jugalah yang diperintah kepada Rasulullah melaksanakannya. Sebagaimana yang dijelas oleh maksud ayat yang berikut:

"Dan sesungguhnya engkau memberi pimpinan ke jalan yang lurus"
(As-shura; ayat: 52)

Sebagai hamba yang daif, mempunyai serba kekurangan, adalah menjadi kewajipan bagi tiap-tiap seorang yang mengaku dirinya beriman kepada Allah, memohon Hidayah/Pertunjuk Allah. Hidayah yang dimaksud ialah Hidayah ke-5 tadi, Hidayah hakiki yang tidak dapat diusaha oleh mana-mana makhluk Allah, kerana Hidayah itu adalah kepunyaan Allah semata-mata dan daripada Nya lah sahaja ia dapat dipuhi.

Pertunjuk itu ialah pertunjuk ke jalan yang lurus. Jalan yang direhái Allah, jalan yang boleh menyampaikan hamba mengcap hidup bahagia dan mulia, dunia dan akhirat; bukan jalan yang bengkang bengkuk membawa kearah kecelakaan dan kebinasaan.

Keterangan selanjutnya mengenai permuhunan ini dijelas oleh ayat dalam keluaran AL HUDA yang akan datang.

Bersambung keluaran Al-Huda No. 23



Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

– Surah At-Tin (4).



Keagungan dan kebesaran Allah

(Oleh Ustas Syed Mohamad Alwi Al Attas)

Allah berfirman dalam hadist qudsi:

فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ حُمْكُمٌ
الْعِزَّةُ إِذَا رَأَى وَالْكَبْرِيَّةُ

رَدَأْتِي فَمَن نَازَعَنِي مِنْهُمَا

شَيْئًا عَذَّبَتْهُ

(Rواه مسلم) .

"Keperkasaan dan kemuliaan itu ibarat kainKu. Keagungan dan kebesaran itu ibarat selendangKu. Barang siapa berusaha menyamai Aku sedikitpun niscaya akan Kusiksa.

(H.R. Muslim)

Kata "Al-izz" asal maknanya kemuliaan, (lawan kehinaan). Namun kemuliaan disini hasil kekuatan yang tidak terkalahkan oleh orang lain, kerana itu kita artikan Al-izzu itu keperkasaan dan kemuliaan.

Sifat "izzah" terdapat dalam beberapa ayat quran, diantaranya:

فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ حُمْكُمٌ

(النَّاسُ : ١٣٩)

"Sesungguhnya semua keperkasaan dan kemuliaan itu adalah kepunyaan Allah."

(Annisa 139)

مَنْ كَانَ يَرِيدُ الْعِزَّةَ

فَلَتَّهُ الْعِزَّةُ جَمِيعًا

(فاطر : ١٠)

"Barang siapa yang hendak memperoleh keperkasaan dan kemuliaan, sesungguhnya keperkasaan dan kemuliaan itu kepunyaan Allah." (Fathir 10)

كُلُّ عِزٍّ لَّيْسَ بِاللَّهِ

فَهُوَ ذَلٌّ .

(الحدب)

"Setiap kemuliaan yang tidak diridhai Allah pada hakikatnya adalah kehinaan."

Kemuliaan seperti itu bersifat palsu, berlaku untuk sementara saja; seperti kenaikan pangkat, puji dan sambutan yang tidak wajar dan tidak diredhai Allah.

Dalam hadis ini dikemukakan dua sifat khusus yang ditonjolkan yang hanya dimiliki oleh Allah swt saja. Makhluk Allah tidak boleh merebutnya, menyamai dan menyekutuinya, sifat itu adalah sifat izzah (keperkasaan dan kemuliaan) dan sifat Kibrnya (keagungan dan kebesaran).

Ada sifat lain yang kadang-kadang makhluknya boleh bersifat dengan sifat itu sebagai pinjaman sementara dan bukan menurut hakikat yang sebenarnya, seperti sifat kasih sayang (rahman), pemurah (karim).

Kedua sifat yang disebut diatas dibaratkan oleh Allah sebagai kain sarung dan selendang, yang sudah tentu tidak boleh direbut, dipakai atau digunakan oleh yang lain.

Perumpamaan itu semata-mata hanyalah untuk mendekatkan pengertian kepada akal kita sebagai makhluknya. Barang siapa yang hendak menyamainya atau menyekutuinya akan dilemparkan Allah kedalam neraka.

Tegasnya orang yang kebetulan dianugerahi kemuliaan, mendapat pangkat yang tinggi, memegang fungsi dan wewenang, dipilih menjadi wakilnya.

Apabila menyalah gunakan anugerah tersebut sehingga seolah-olah berkuasa mutlak, sombong, sewenang-wenang dan seenaknya saja menggunakan kekuasaannya, maka sikap dan perbuatan semacam ini sudah termasuk menyekutul sifat Tuhan, berdosa durhaka, dan menyombong kepada Allah.

Allah menggambarkan tentang orang-orang yang menyombong.

كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ

كُلَّ قَلْبٍ مَا كَبَرَ جَبَارٌ

(المؤمن : ٢٥)

Demikianlah Allah menutup setiap hati orang yang terkabur, lagi merasa perkasa.

(Almukmin 35)

فَادْخُلُوا أَبْوَابَ

جَنَّتِ خَالِدِينَ فِيهَا

فِيئُسْ مُشْوِي الْمُتَكَبِّرِينَ

(التحل : ٢٩)

Masuklah kalian kedalam pintu-pintu neraka johannam, kekal didalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang yang menyombong. (Annahal 29).

FATWA

RUANG FATWA

oleh
(Datuk Haji Abdul Kadir Hassan)
Mufti Negeri Sarawak

Soal:

Apakah pandangan Islam mengenai masalah "PERANCANG KELUARGA (Family Planning)? Bolehkah orang Islam mengamal pekerjaan ini?

Jawab:

Sebelum saya menjawab soalan diatas, suka saya menjelaskan disini, untuk mengelakkan kekeliruan bahawa jawapan saya berikut ialah mengenai "Perancang Keluarga" (Family Planning) bukan "Pencegahan Beranak" (Birth Control) atau



Perancang keluarga untuk terlalu rapat beranak supaya kes kesihatannya terjamin.

(Sterilization).

Pada soal pokoknya hukum amalan "Perancang Keluarga" (Family Planning) adalah harus, jika dengan ada sebab-sebab yang tertentu.

Adapun yang dimaksud dengan "Perancang Keluarga" diantaranya ialah:-

1. Untuk memberi peluang berehat bagi ibu-ibu yang terlalu rapat beranak supaya kesihatannya terjamin begitu juga kesihatan anaknya, atau
2. Meringankan tanggungan ibubapa miskin, supaya dengan bilangan anaknya yang terhad itu, sesuai dengan pendapatan bapanya yang sederhana dan dapatlah kedudukan anaknya kelak dari segi pelajaran, perbelanjaan dan kesihatan tidak menjadi bebanan keatasnya dan masyarakat, atau
3. Sebab-sebab yang lain-lain yang memerlukan.

Masalah menahan atau menjaga isteri daripada mengandung untuk semestara waktu yang diperlukan, bukan untuk selama-lamanya, dengan jalan makan ubat, menggunakan alat yang tertentu dan sebagainya. Masalah ini pada dasarnya tiadalah ditegah didalam ajaran

agama Islam, kerana ada tersebut di dalam Hadis Sahih Bukhari dan Muslim:

"كُنَّا نَعْزِلُ عَلَىٰ عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ وَالْقُرْآنِ يَنْهَا" .

Maksudnya: "Di masa Rasulullah berada ditengah-tengah kami, kami adalah melakukan azal (عَزْلٌ) Walhal Al-Quran sedang diturun."

"Azul" maksudnya "menumpahkan air mani di luar faraj" (kemaluan perempuan), dengan maksud supaya perempuan tidak mengandung.

Didalam hadis Muslim di riwayatkan:

"كُنَّا نَعْزِلُ عَلَىٰ عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ فِي أَغْنَمِ ذَلِكَ وَلَمْ يَنْهَا" .

Maksudnya: "Sesungguhnya kami dimasa hidup Rasulullah telah melakukan azul, maka sampai kepada beliau khabaran itu, tiada Baginda menebahkan kami."

Banyak lagi hadis-hadis yang seumpama itu, yang jelas menerangkan bahawa "Azul" ya'ni menumpahkan mani di luar faraj yang tujuannya untuk mencegah mengandung, tiadalah ditegah di dalam Islam.

Jumhurul Ulamak mengatakan bahawa apabila suami melakukan azal itu dengan keizinan daripada isterinya, maka yang demikian adalah harus hukumnya; dan jika tidak diizinkan maka tiadalah harus pada pendapat kebanyakan ulama; akan tetapi pada pendapat Imam Assyafiee, sama ada diizinkan oleh isterinya atau tiada diizinkannya, maka adalah semata-mata harus hukumnya bagi suami

melakukan azal itu. Dan pendapat inilah yang muktamad di dalam mazhab Assyafiee, walaupun terdapat ada juga ulamak Assyafiee yang tiada bersetuju dengan azal itu melainkan dengan izin daripada isteri. Imam Al-Ghazali telah berkata dalam kitab "Ahya Ulumuddin" yang maksudnya,

"Dari pada sebab-sebab yang mengharuskan azul itu boleh dilakukan ialah kerana sebab takut daripada banyak dosa akibat daripada banyak anak"

Jelas daripada pendapat Imam Al-Ghazali itu mengharuskan seseorang itu boleh melakukan Perancang Keluarga

(Family Planning), menjarang beranak, jika takut daripada tiada mampu menanggung nafkah hidup disebabkan kemiskinan.

Kesimpulannya, merancangkan keluarga dengan sebab-sebab yang tertentu sebagaimana yang telah diterangkan itu tiadalah bertentangan dengan ajaran agama Islam; akan tetapi mencegah beranak terus menerus (sterilization) untuk selama-lamanya tanpa sebab-sebab yang memerlukan, maka yang demikian adalah haram

(﴿ وَاللَّهُ أَعْلَم﴾).

Suara Siapa?

suara
ingin kudengar
suara bayi
suara adik
suara ibu
suara bapa
suara isteri
suara kekasih
entah suara apa lagi
mungkin
suara janda papa
tak mungkin
suara azan
boleh jadi
suara apa lagi.
suara ustaz
suara ustazah
mungkin juga
apa lagi
segala sudah disuara
aduh, suara siapa lagi

PUISI

ya
suara Tuhan
adakah pasti
aku akan mendengar
suara Tuhan
Bagaimana
kalau aku mendengar
suara

Kuching
23 Mac 1980



TINJAUAN

DALAM GEMA TAKBIR YANG SYAHDU, ADA PERAJURIT DIPELUK KESEPIAN DI PERBATASAN, ADA AHLI BOMBA YANG BERSIAP MENGHADAPI KEBAKARAN:

BERTUGAS DALAM GEMA TAKBIR



Sudah menjadi tanggungjawab mereka terpaksa menjalankan tugas demi untuk Negara walaupun orang lain menyambut Hari Raya dengan penuh mesra.

SETIAP ORANG ingin berada di samping keluarga ketika menyambut Hari Raya. Dalam gema takbir yang syahdu di pagi bahagia itu, semua kaum keluarga yang rapat dan orang-orang yang disayangi mesti berada di sisi - ayah, ibu, adik-adik, isteri, anak-anak dan kekasih.

Tetapi tidak semua berupaya untuk bersama mereka. Bersama takbir yang menggema dan suara keriangan anak-anak, ada perajurit dipeluk kesepian di perbatasan, ada jururawat bertungkus-lumus di bilik pesakit, ada operator telefon melayan panggilan di bilik dingin.

Demikian telah ditentukan, tugas dan rasa tanggungjawab tidak mengizinkan mereka menyambut hari gembira ini bersama orang yang dikasihi. Mereka terpaksa bertugas ketika orang lain bergembira.

Beigutupun, tidak ada rasa sedih atau iri hati. Tidak ada rasa kesal atau terkilan. Setengahnya telah biasa bertugas di Hari Raya. Mereka merayakan hari mulia itu dengan cara tersendiri, sambil menjalankan tanggungjawab. Wakil AL-HUDA meninjau pendapat mereka yang bertugas di Hari Raya:

Puan Zaidah binti Jaya seorang jururawat terlatih yang berasal dari Miri, kini bertugas di Kuching.

"Kesedihan hanya terasa di malam Hari Raya terutama bila mendengar suara takbir yang memuji kebesaran Ilahi. Tetapi rasa sedih segera bertukar dengan perasaan bertanggungjawab setelah berada di dalam wad."

"Saya membandingkan dengan pesakit yang lebih malang dari saya untuk mengubat sedih di hati - kalau saya tidak dapat berhari Raya bersama keluarga kerana tugas pesakit saya

bukan saja tidak dapat bergembira tetapi terpaksa menanggung kesakitan pula."

"Sungguhpun begitu hati kecil terusik kembali bila melihat katil-katil yang kosong ditinggalkan pesakit yang diberi cuti oleh doktor untuk balik berhari Raya di kampung."

Inspektor Malik Ahmad, dari Sibu pula padanya sudah tidak ada lagi istilah Hari Raya sejak dia mencebur diri dalam kerjaya yang mencabar ini. Tidak ada lagi perbezaan hari bagainya walaupun Hari Raya:

"Bagi saya sudah tidak ada lagi istilah Hari Raya. Pun begitu saya tidak dapat lari dari perasaan sedih dan pilu bila mendengar gema takbir."

"Kesayuan yang menyebakkan dada ialah ketika mendengar gema takbir yang disiarkan melalui coroang radio mulai pukul 11 malam - perasaan menjadi begitu sensitif dan ketika itu saya merasa sesuatu kehilangan besar bagi diri saya."

"Isteri saya berasal dari Kuching bila saya bertugas di Hari Raya saya terpaksa merelakan isteri saya pulang ke kampung berhari raya bersama keluarganya."

"Kalau dia tinggal di sini dia hanya dapat menjabat tangan saya untuk memohon maaf - tetapi kalau pulang ke kampung dia dapat menjabat tangan ayah ibu dan kaum keluarganya."

Encik Karim Nasir, bujang, berasal dari Lundu. Seorang ahli bomba, sudah biasa bertugas pada pagi raya:

"Beigitulah tugas ahli bomba - saya tidak dapat pulang ke kampung berhari Raya bersama keluarga kerana tidak mendapat cuti panjang. Untuk bersembahyang Hari Raya pun tidak dapat kerana kami sentiasa bersiap sedia kalau-kalau ada pang-

gilan kecemasan."

"Syukurnya berek-berek bomba letaknya di tempat yang sama dengan pengkalannya - dengan itu dapatlah kami bergembira bersama keluarga yang sudah berkelamin. Bagaimanapun saya tak dapat menahan sedih bila mendengar suara takbir yang memuji kebesaran Allah pada malam Hari Raya."

Encik Abdul Kudus bin Driss, seorang lagi ahli bomba yang sejak bertugas sebagai ahli bomba enam tahun lalu cuma sekali saja berpeluang mendapat cuti untuk berhari raya bersama keluarganya:

"Tugas saya yang agak mencabar ini telah banyak mengajar saya untuk menjadi anak lelaki yang tabah. Selain dari tugasnya yang agak bahaya kami ahli bomba terpaksa bertugas di hari-hari kelepasan am yang lain."

"Memang sedih - sedang orang lain bergembira menyambut hari kemenangan kami sentiasa bersedia kalau-kalau ada panggilan kecemasan. Kebakaran mungkin terjadi di musim perayaan."

"Bagaimanapun saya bersyukur kerana tahun lalu saya berkesempatan berhari raya bersama keluarrga - itulah pertama kali saya berpuasa dan berhari raya dengan keluarga sejak saya bekerja."

Encik Mohd. Akil bin Othman anggota polis dari cawangan lalu lintas, Kuching merasa sebagai kehilangan sesuatu bila dia bertugas di Hari Raya:

"Biasanya di Bandar Kuching ini di sebelah pagi saya bertugas di pasar antara pukul 7 hingga 9 pagi."

"Waktu ini tentunya orang lain sedang bersiap untuk ke Masjid bagi menunaikan sembahyang Hari Raya sambil memuji dan bersyukur kepada llahi."

"Dalam gema takbir itu saya merasa sebagai kehilangan sesuatu - ketika itulah perasaan saya menjadi sedih terkenangkan ayah, ibu dan keluarga di kampung yang tidak dapat dikunjungi di hari baik bulan baik."

"Tetapi tugas polis tidak mengira masa dan keadaan - saya harus menerima ini dengan tenang."

Puan Aminah Daud, operator telefon berasal dari Kpg. Samber, kini bertugas di Kuching.

"Air mata saya bercucuran sepanjang jalan menuju tempat kerja pada pukul tujuh pagi. Tambah sedih perasaan saya bila ada jiran yang menegur ketika dalam perjalanan, 'Hai, hari raya pun kerja juga Cik Aminah?'" kata-kata itu tambah menghiris perasaan saya.

"Kadang-kadang saya macam menyesal dengan kerja saya ini tambah pula suami saya bertugas sebagai anggota polis - waktuorang lain melebarkan pintu rumah untuk menyambut tetamu kami suami isteri menutup pintu kerana keluar bertugas, itulah pengalaman saya dan bayanganlah pula bagaimana perasaan saya."

Sejak bertugas sebagai operator tujuh tahun yang lalu Puan Aminah tidak pernah pulang ke kampung untuk bersama berhari raya dengan keluarganya walaupun ibunya berkali-kali menghantar surat meminta dia berbuat begitu.

Puan Zaiton Abdul Kadir yang juga bertugas sebagai telefon operator, ibu kepada 3 orang anak, berasal dari Sibu:

"Saya tak tahu macam mana nak cakap perasaan saya bila nama saya naik ketika mencabut undi siapa yang harus bertugas pada hari raya."

"Siapa pun tentu sedih kalau kena bertugas di hari raya apa lagi kalau sudah

beranak pinak macam saya - tak tahu macam mana nak cakap bila anak bertanya "Mak nak pergi kerja ke?" "Hari raya pun mak kerja ke?" soalan ini sungguh mengusik perasaan.

"Pernah saya menyesal bekerja sebagai operator telefon - di tempat kerja yang lengang di mana kebanyakan orang bercuti saya menangis kesayuan."

"Macam-macam datang dalam kepala apa lagi bila tidak ada sesuatu yang dapat merintang kesunyian serta mengubat perasaan sedih itu. Nak buka radio tentu tak boleh, mahu atau tidak terpaksa melayan perasaan di bilik yang bertutup rapat itu."

Zaiton Hanis peramugari MAS dari Sibu yang berpengalaman menyambut hari raya di awan biru tidak segan-segan meluahkan perasaannya:

"Saya baru bekerja selama tiga tahun sebagai peramugari tetapi saya telah dua kali menyambut hari raya di udara."

"Tentu tidak dapat saya gambarkan dengan jelas perasaan saya tetapi saya percaya umum tentu dapat menggambarkannya kalau mereka menjadi saya."

"Penumpang semuanya orang luar, mereka bukan saja tidak tahu yang pada hari ini hari raya malah mereka tidak tahu apa itu hari raya."

"Pada hari raya itu sebelah paginya saya masih di ruang udara Hong Kong, tengah hari di Taipeh dan malamnya berada di Tokyo' - bayangkanlah betapa terharunya perasaan sedang orang lain tidak tahu menahu kita merayakan hari bahagia, hati kita tidak dapat melupakan bahawa hari tersebut itu adalah hari raya."

"Saya cuba melupakan yang hari itu hari raya, tetapi semakin dicuba semakin tak dapat dilupakan - dengan itu perasaan mula terganggu, terbayang keluarga di kampung yang mengharapkan saya pulang menyambut hari raya bersama mereka."

**Adalah kamu sebaik-sebaik umat
yang dilahirkan untuk manusia, supaya kamu
menyuruh mengerjakan kebaikan dan
melarang memperbuat kejahanan.**

Surah Ali Imran (10).

● Kristianisasi

Satu kedengkian Kristian

“Serahkan aqiedahmu kepadaku,
dan kuberikan roti untukmu”

Putera Eritaria, Sumber: Majalah Al Mujtamak

Kisah pengumpulan dana sejumlah 100 milyun mark pada pertengahan bulan Januari 1985 M di Jerman Barat bagi kepentingan kebuluran yang menimpakan rakyat Afrika adalah mempunyai tujuan yang jauh, meski usaha media massa Barat menyampaikannya sebagai khidmat kemanusiaan, namun kenyataannya sempit dan mottonya adalah “Serahkan kepadaku aqiedahmu dan (barulah) kubagikan untukmu sepotong roti.”

Praktikal pertentangan antara aqiedah Islamiyah dan missi Kristian akan senantiasa ada secara historik selama fiyah Gereja Antarabangsa dibawah pimpinan Vatikan terus menerus berusaha bagi mengubah peta dunia untuk kepentingan “salib” diabad ke 20 dengan jalan material. Yang demikian itu, kerana mengkristiankan seorang muslim yang berdisiplin Islam adalah sangat mustahil; bahkan sebaliknya, yang benar adalah cara “cabaran” lebih menambah Islam

bertambah kuat dan mantap dan Allah swt telah membuka jalan bagi dakwah Islamiyah bagi suatu kemenangan yang besar dengan hijrah para pemimpinnya kekawasan-kawasan “Kristian” agar Islam masuk dalam rumah-rumah Eropa tanpa rasa khawatir dan takut. Dan dibandar-bandar besar dibinalah masjid-masjid dan markas-markas Islam tanpa bersandar kepada kewangan yang berjuta-juta; selain kepada Yang Maha Satu (Allah Swt) Yang Memerintah Ummat Manusia, agar supaya dakwah Islamiyah merata-rata keseluruh pelokskok dunia.

Arkitek “dakwah salibiyyah” berkehendak dimasa itu bagi menghapuskan nama-nama negara yang ditimpakan kebuluran kecuali Ethiopia, sebab Afrika menurut kefahaman mereka secara geografik dan keyakinannya terdiri dari Habasyah (Ethiopia) sahaja! Dan “membisu”nya media massa di Barat dan



Rakyat Afrika yang kebuluran.

Timur dengan memulaukan (mengasingkan) rakyat Eritaria secara keseluruhan dan melupakan rakyat Somali dan Sudan dalam media massa, tidak memberikan hasil langsung, kecuali bertambah kuatnya rakyat-rakyat tersebut dengan keyakinan mereka, iaitu dengan syahadat "La Ilaaaha Illallah".

Adalah diharapkan daripada Lembaga-Lembaga Kebajikan di Dunia Islam, untuk mempersatukan kegiatan mereka bagi menghadapi tahap kesulitan di Afrika tanpa membedakan diantara putera-putera. Benua yang satu itu, disebabkan kebuluran yang menimpa mereka tanpa memandang agama. Dan agama kita Al Islam yang mulia ini menyeru kearah mera'ikan masalah kemanusiaan, dan kita lebih berkemampuan daripada yang lain untuk berbicara atas nama "kemanusian" itu.


BERITA DUNIA ISLAM

Ramai-ramai masuk Agama Islam di Arab Saudi

Jeddah:

1. Seorang wanita Indonesia, dihadapan Presiden Mahkamah Syar'iyyah Jeddah.
2. 415 orang : dihadapan Shahibus Samahah Syeikh Abdul Aziz Bin Abdillah Bin Baz (Syeikh Bin Baz) di Riyad (Darul Ifta), terdiri dari berbagai-bagi bangsa dan suku kaum diseluruh dunia.
3. 7 orang, dihadapan Fadlilat Rais Mahkamah Syar'iyyah di Jeddah:
 - 4 lelaki dari Amerika, Phillipin, Thailand dan India.,;
 - 3 perempuan: 1 Amerika dan 2 Phillipin.
4. 151 orang, sepanjang tahun 1407 H di Kota Buraedah, dihadapan Mahkamah Kubra.
- 102 Phillipin,
- 37 India,
- 5 Thailand,
- 4 Sri Lanka,
- 1 Canada,
- 1 British.

(Sumber: Akhbar Alam Islami)
Rabithah Arab Saudi



Di bandar tidak lahir kemesraan antara jiran tetangga walaupun jiran-jiran itu sama kaumnya.

KE MANA HILANGNYA KEMESRAAN DIKOTA BILA HARI RAYA?

KMESRAAN antara jiran tetangga tidak wujud di kota yang kehidupan masyarakatnya hanya mementingkan diri sendiri. Tidak ada tukar menukar makanan antara jiran-jiran, tidak ada

kemeriahannya Hari Raya.

AL-HUDA meninjau pendapat beberapa orang yang telah lama menginap di Kuching, tetapi masih gagal mencari kemesraan dan pergaulan seperti

di kampung, terutama di musim puasa dan Hari Raya:

Puan Latifah, 33 tahun ibu kepada tiga orang anak, berasal dari Saratok telah berbelas tahun tinggal di Kuching.

"Perasaan rindu saya terhadap kampung halaman begitu terasa bila menjelang bulan puasa. Kemesraan hidup berjiran semasa di kampung tidak pernah saya rasakan bila saya berhijrah ke kota."

"Di bandar tidak lahir kemesraan antara jiran tetangga walaupun jiran-jiran itu sama kaumnya dengan kita. Dulu saya cuma mendengar cerita tentang orang bandar yang hidup 'siapa lu siapa gua', bila sudah mengalaminya saya dapat ada kebenarannya."

Puan Nora, berasal dari Lawas telah bertahun-tahun menetap di Kuching bertugas sebagai jurujual:

"Di kampung kalau Hari Raya kita merasa amat mesra dengan jiran-jiran. Mereka bertukar juadah dan kuih di pagi raya."

"Lain halnya dengan di bandar orang lebih suka membeli kuih dari membuatnya. Mungkin di bandar orang tak suka leleh. Kalau di kampung bukan saja bertukar kuih perbukaan, membuat kuih untuk Hari Raya pun mereka ganti tolong menolong."

Puan Normah berasal dari Santubong merasa bertuah kerana tinggal di perkampungan Melayu kerana masyarakat di situ tidak jauh bezanya dari masyarakat di kampungnya.

"Saya sudah tinggal di Kuching selama 9 tahun. Tiga tahun yang pertama berada di sini saya menyewa di rumah kawan. Tetapi saya tidak merasa selesa tinggal di situ walaupun terdapat berbagai kemudahan.

"Tidak ada langsung kemesraan antara jiran dan tetangga. Kalau pada hari-hari biasa kita tidak terasa sangat kekurangannya tetapi bila menjelang puasa dan Hari Raya kekurangan itu semakin nyata."

"Puan Millah Yusuf, berasal dari Buntal, sudah enam tahun tinggal di Kampung Petra Jaya, beliau tidak mahu membuat komen tentang sikap penduduk bandar kerana tidak pernah bergaul dengan mereka."

"Masyarakat di sini walaupun tidak semesra masyarakat di kampung sendiri tetapi tidaklah pula mereka mengamalkan sikap siapa lu siapa gua seperti cerita yang saya dengar."

"Tinggal di perkampungan ini saya masih dapat merasakan suasannya kampung, mungkin kerana penduduk di sini semuanya berasal dari kampung yang datang dari berbagai negeri. Di sini ada surau tempat berjemaah dan pada bulan-bulan puasa penduduknya mengadakan tadaurs dan tarawih."

Tuan punya kedai makan, Puan Leha Mohd. Jol 42 tahun tidak merasakan sangat perbezaan menyambut puasa dan Hari Raya antara kampung dan bandar.

"Saya tidak terasa bukan kerana tidak mahu mengambil tahu hal orang lain atau suka hidup sendiri-sendiri. Tapi kesibukan saya sebagai seorang pekerja memaksa saya tidak mengambil tahu itu semua."

Puan Leha yang berasal dari Kpg. Bako, bagaimanapun masih mengamalkan 'BALIK KAMPUNG' setiap kali menjelang Hari Raya. "Saya balik ke kampung selain dari mengambil kesempatan untuk miziarihi orang tua ialah untuk membaharui kemesraan dengan kawan dan rakan saya di kampung."

ada yang puasa 31 hari

ANAK BULAN: RUKYAH ATAU FALAK?

OLEH PENULIS KHAS

Seorang hamba Allah mungkin orang Islam yang pertama puasa 31 hari dalam bulan Ramadan walaupun bulan Hijrah itu tidak pernah lebih dari 30 hari sebulan sejak sebelum Nabi Muhammad lahir dulu.

Tetapi begitulah Islam, Allah saja yang mengetahui tentang satu-satu kejadian.

Hamba Allah itu memulakan puasa tahun ini di Indonesia. Orang di sana puasa sehari dulu dari orang Malaysia kerana mereka mengikut hisab. Orang Malaysia, pelopor penggunaan hisab di dunia, tahun ini mundur ke belakang, lalu beramal dengan rukyah semula. Maka berpuasalah orang Malaysia sehari kemudian kerana anak bulan Ramadan tidak kelihatan di mana-mana.

Bila orang Malaysia berpuasa 29

hari, maka hamba Allah sudah pun cukup 30 hari puasanya. Dia pulang ke Malaysia untuk berhari raya bersama dengan keluarga. Tetapi malam syak'it anak bulan tidak kelihatan lalu perintah menghendaki puasa diteruskan sehari lagi

Hamba Allah berhajat untuk berhari raya, tetapi bagaimana hendak ke masjid seorang diri dan makan seorang diri?

Bagaimanapun dia sempat mendengar fatwa, bahawa dia berada dalam negeri yang tak nampak bulan, yang bererti Ramadan belum habis, dan selagi Ramadan masih ada, wajiblah umat Islam berpuasa.

Kes hamba Allah ini tentunya akan menjadi suatu perkara yang sangat menarik bagi mereka yang meneliti Islam

tanpa iman dan boleh pula menyangka bahawa Islam ini suatu yang bercelaru. Bukankah segala-gala yang berkembang itu ada hubungan dan ekorannya dengan keputusan Majlis Fatawa yang membolehkan puasa dan raya mengikut hisab?

Masyarakat Islam Malaysia tidak pernah kacau dengan puasa dan hari-raya sejak waktu Parameswara memeluk Islam di Melaka sebelum zaman Hang Tuah dulu. Mereka telah beribadat mengikut apa yang diajarkan iaitu berpuasa dan berhari raya dengan menengok anak bulan di hari syak iaitu pada petang 29 Svaaban dan 29 Ramadhan.

Tetapi sesudah orang Islam Malaysia bertambah maju dan pandai, maka mereka telah mencari jalan bagaimana perkara melihat anak bulan ini tidak menjadi perkara yang dipeningkan.

Majlis Fatwa telah menasihatkan bahawa boleh berpuasa dan berhari-raya dengan mengikut hisab. Percubaan di Malaysia itu pada mulanya mendapat banyak tantangan dari alim ulama yang tidak terlibat dengan kerajaan. Mereka sampai keapda tahap tidak mahu memulakan puasa pada hari syak kalau tidak disahkan anak bulan sudah nampak, dan ada yang tidak berhari raya kalau anak bulan tidak nampak pada petang hari syak tadi.

Bagaimanapun majoriti rakyat tidak ambil pusing. Kalau perintah Yang DiPertuan Agung suruh puasa mereka puasa, dan kalau Pemegang Mohor Raja-Raja Melayu mengatakan berhari raya, mereka pun berhari raya.

Dalam keadaan yang demikian, suara menentang hampir tenggelam dan alim ulama yang tidak setuju, tidak begitu dihiraukan orang. Ramai di antara mereka yang tidak popular di kalangan

orang ramai.

Bagaimanapun tanda perpecahan ada. Orang alim atau Tok Guru yang sangat dihormati oleh masyarakat kampung sesuatu tempat, terpisah dengan anak buahnya. Mereka bersedih.

Di Singapura umpannya pada ketika hisab dipopularkan di Malaysi, kadinya menentang. Tetapi orang ramai tidak lagi patuh kepada kadi itu kerana mereka menyokong langkah progresif kerajaan Malaysia ketika itu. Kadi-kadi tadi tenggelam ditelan zaman.

Sekarang, tanpa satu penjelasan yang tegas dan terang, kerajaan memerintahkan pula umat Islam kembali ke zaman lama iaitu berpuasa mengikut rukyah.

Mengikut rukyah ini, anak bulan Ramadan dan Syawal hendaklah dilihat dengan penglihatan biasa. Orang yang melihat tidak boleh menggunakan alat-alat seperti teropong dan sebagainya. Kalau yang bercermin mata, boleh bercermin mata kerana itu adalah pakaian hariannya.

Apakah hari itu redup atau hujan atau sebagainya tidak menjadi suatu yang membolehkan seseorang mengatakan bulan ada walaupun tidak kelihatan. Para ulama mentafsirkan bahawa hadis tentang hal ini tidak menyebut soal bulan ada atau tidak. Yang ditekankan ialah sama ada bulan nampak atau tidak.

Kalau sesuatu yang tidak nampak atas apa-apa sebab sekalipun, apakah yang boleh memastikan objek yang tak nampak itu ada. Bulan adalah objek yang nyata, bukan objek ghaib seperti nyawa atau Tuhan. Nyawa dan Tuhan adalah benda ghaib, yang ada walaupun tak nampak. Tetapi bulan adalah objek yang boleh dilihat. Kalau tak nampak, mana

kita pastikan ia ada?

Berhubung dengan hisab, para ulama menjelaskan bahaya hisab perlu untuk menjadi panduan bagi melihat anak bulan dan sebagainya. Tetapi ahli falak sendiri terpaksa membuktikan yang kiraannya betul dengan melihat anak bulan itu sendiri.

Ahli falak yang sudah membuktikan kiraannya tepat sesudah kali, boleh berpegang dengan kiraannya tanpa melihat anak bulan lagi. Bagaimanapun dia tidak oleh memaksa orang lain untuk berpegang kepada hisab. Dia boleh menggunakan untuk dirinya sendiri.

Atau orang yang sudah yakin dengankiraannya adalah tepat sesudah dibuktikan beberapa kali, dibolehkan juga berpandu dengan kiraan ahli falak itu, tetapi dia tidak juga boleh memaksa orang lain untuk mengikutnya. Itu keadaan kuasa ahli falak.

Bagaimanapun sekarang kita telah kembali ke jalan lama. Tentunya ini adalah satu keputusan yang bertanggungjawab. Kalau kita kembali ke cara lama, tentulah ini bererti cara yang kita pakai beberapa tahun terakhir ini tidak betul.

Kalau cara mengikut hisab itu betul, maka apa perlunya ia ditukar semula dengan menengok anak bulan sedang mengikut hisab memudahkan orang ramai dari segi pentadbiran dan sebagainya. Majlis Agama patutlah memberikan apa penjelasan yang boleh melapangkan fikiran orang ramai tentang hal ini.

Soal ini adalah menyentuh amal ibadat orang ramai. Amal ibadat ini adalah yang melibatkan rukun Islam. Apa kedudukannya dengan berhari raya pada hari syak dulu bila anak bulan tidak kelihatan?

Beberapa kali kita berhari raya

tidak nampak anak bulan? Dan berapa kali pun berpuasa dengan tidak nampak anak bulan?

Kalau berhari raya dengan tidak nampak anak bulan, apakah puasa yang tertinggal itu tidak perlu diganti? Dan bagaimanapun fidyah dan qadanya? Siapa akan menanggung dosanya? Adakah umat Islam yang ramai ini tidak perlu mengganti puasa dan membayar fidyahnya? Adakah mereka boleh terlepas dari segala dosa?

Katakanlah alim ulama yang menjadi ahli Majlis Fatwa itu yang menanggung dosanya, adakah orang ramai boleh terlepas dari bebannya? Adakah seorang itu boleh lepas dari dosa semata-mata memberitahu bahawa Iblis yang menyuruh dia membuat maksiat?

Terlalu banyak jawapan yang patut dijelaskan oleh Majlis Agama Islam tentang hal ini. Maka kekeliruan yang ada ini adalah kerana Majlis Fatwa telah bertegas dalam menjalankan tugasnya.

Yang Dipertua Agung dan Perdana Menteri adalah bertindak atas nasihat Majlis Fatwa. Majlis ini hendaklah menjalankan tugasnya dengan sempurna sesuai dengan amanat yang diberikan oleh Allah kepada mereka. Kalau nasihat mereka salah, maka kesannya pergi kepada orang ramai. Dan dalam keadaan yang ada, pendapat Majlis Fatwa boleh diragu-ragukan.

Jalan yang terbuka ialah ahli-ahli Majlis Fatwa yang ada patutlah mengundurkan diri sebagai jalan keluar kerana nasihatnya telah mengelirukan atau pendapat dari Majlis itu tidak didengar oleh kerajaan. Majlis itu tidak didengar oleh kerajaan. Maruah tiap-tiap ahli akan terpelihara kalau mereka berani bertanggungjawab.

RANGKUMAN DO'A

DO'A MELEPAS PAKAIAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillaahil ladzii laa ilaaha illa huwa.

Ertinya

Dengan nama Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia.

Dahulukan yang kiri, yaitu mengeluarkan tangan kiri dari lengan baju dan kaki kiri ketika melepaskan celana.

(H.R. Ibnu Sunny dari Anas b. Maalik)



MUTIARA HIKMAT

7 SIKAP YANG MENAKJUBKAN

KHULAFAU'R RASYIDIN YANG KE 3, 'Usman bin Affan, pernah menyatakan ketakjubannya terhadap 7 macam manusia yang páradoxical dalam kehidupannya.

Beliau berkata:

1. Saya takjub melihat manusia yang tahu bahwa al-maut (kematian) akan datang merenggut nyawa tiap-tiap orang, tetapi ia masih sanggup tertawa terbahak-bahak.
2. Saya takjub melihat orang yang tahu bahwa dunia ini akan lenyap dan fana, tetapi ia masih berenang-renang dalam lautan madu kemewahan hidup duniawi.
3. Saya kagum melihat orang tahu bahwa setiap hal yang ditemukan dalam kehidupan ini sudah ada ketentuannya (takdir), tetapi ia masih risau kalau mengalami kegagalan.
4. Saya takjub melihat orang yang percaya bahwa kelak diakhirat akan datang masa perhitungan (hisab), tetapi ia masih memburu dan menghitung-hitung harta didunia ini.
5. Saya kagum melihat orang yang percaya bahwa nereka itu disediakan bagi orang-orang yang jahat, tapi ia masih sanggup melakukan perbuatan-perbuatan dosa dalam kehidupan sehari-hari.
6. Saya takjub melihat orang yang yakin bahwa syurga itu satu tempat yang ni'mat yang disediakan untuk orang-orang yang mengerjakan kebaikan dan amal saleh, tapi ia tidak merasa puas menghayati kenikmatan hidup didunia ini.
7. Saya kagum melihat orang yang tahu bahwa syaitan itu musuh manusia nomor satu, tapi ia masih patuh dan menyerah kepadanya.

Abusar.
(Suara Masjid)

RUANG BERITA DAERAH

SERUAN

Bagi pehak Sidang Pengarang AL-HUDA, dengan ini kami menyeru kepada saudara-saudara Jawatan Kuasa BINA cawangan-cawangan, sudi kiranya mengirimkan laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan yang telah dan yang akan dilakukan dalam kawasan saudara, agar kami dapat memasukkannya kedalam Ruang Berita Daerah Majallah bulanan, AL-HUDA. Dengan demikian komunikasi dan silaturrahim diantara kita akan dapat terjalin lebih erat lagi.

Atas kerjasama saudara, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Wassalam,
Sidang Pengarang



Laporlah Kegiatan di kawasan saudara mengenai pertandingan kursus, ceramah dan sebagainya, kirim gambar jika ada dan hantarkan kepada Pengarah,

Penerbitan Al-Huda,

Ibu Pejabat BINA, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.





RAYUAN BANTUAN

Saudara-saudari seiman dan secita-cita,

Majallah AL-HUDA kita yang kita cintai, adalah majalah yang diterbitkan oleh kita dan untuk kita. Hidup matinya bergantung kepada kita. Oleh kerana kita belum punya percetakan sendiri, kita terpaksa membayar upah percetakan setiap bulan. Terlambat bayar, terlambat pula keluarnya. Oleh sebab itu, besar harapan kami, agar kiranya saudara-saudari sudi ikut menyumbang kewangan setakat yang saudara-saudari sanggup mengeluarkannya dengan mengisi borang yang berikut ini. Setelah diisi, haraplah kirimkan kepadaku.

Atas kerjasama pehak saudara-saudari, kami aturkan ribuan terima kasih.

Wasslam
Pengurus Penerbitan



— potong disini —

Pernyataan:

1. Nama:

2. Alamat (lengkap dengan pos kod):

3. Bersedia menyumbang bagi penerbitan majallah AL-HUDA:

(a) per bulan sebanyak: M\$ (..... ringgit), atau

(b) per tahun sebanyak: M\$ (..... ringgit)

Dari saya yang ikhlas,

(.....)

NOTA: Resit penerimaan wang akan dikeluarkan sekali dalam 6 bulan.

MOHON AMPUN DAN MAAF

Kami kakitangan AL-HUDA, penerbit serta
pencetaknya mengucapkan

Selamat

**HARI RAYA
AIDILFITRI**
Maaf Zahir Batin

Kepada

**PEMBACA/SEMUA AHLI-AHLI BINA
dan
SELURUH KAUM MUSLIMIN/MUSLIMAT**

sekiranya

salah dan silap yang kami lakukan
kami memohon
maaf dan ampun
seandainya rencana-rencana
isi Kandungan AL-HUDA
menyinggung perasaan serta
menyentuh peribadi



Selamat Hari Raya
aidil fitri
maaf zahir batin
Daripada

YANG DI PERTUA DAN JAWATANKUASA
TERTINGGI ANGKATAN NAHDATUL
ISLAM BERSATU (BINA)

Kepada
SEMUA AHLI-AHLI BINA
DAN
SELURUH KAUM
MUSLIMIN/MUSLIMAT